

26/01/2003

Kewarasan dan kecintaan tidak terikat oleh zaman

MENGAPA bangsa kita jadi macam itu? Masalah timpa menimpa. Tak boleh bermuafakat. Budaya kita budaya muafakat. Agama kita pun menuntut kewarasan dan kesejahteraan. Tidak wajarlah kita hilang akal dan sopan santun kerana politik.

Di lubuk hati kita, tetap mau jadi Melayu

ADA macam-macam respon terhadap tulisan saya mengenai bangsa Melayu. Yang positif dan yang negatif. Yang mengemukakan pendapat dan yang hanya marah-marah.

Memanglah masalah Melayu sentiasa ada dalam fikiran siapa saja yang prihatin akan masa depan anak cucunya. Tetapi seperti saya katakan hampir

dua tahun lalu (BM 22 April 01): "Membincangkan masalah bangsa Melayu, kita jadi letih dan penat." Kecewa ada, rasa malas pun ada.

Kadang-kadang terasa amat malu kepada orang bukan Melayu. Makin dibincang makin banyak masalah, berserabut, bagaikan tak ada jalan keluar

lagi. Macam terjebak dalam jaring di lubuk sungai. Semakin meronta semakin

terjerat. Kecenderungan dan kepuasan kita adalah mencari salah orang, bukan mencari jalan keluar. Tikam menikam sesama sendiri.

Dalam BM minggu lalu ada dua tajuk yang cukup merangsang: "Apakah daya aku Melayu!" Tajuk kolum "ISU bersama AA". Nadanya sedih dan kesal.

Satu lagi tajuk wawancara dengan Datuk Abdul Ghani, MB Johor:

"Singapura

patut ada maruah". Spontan terlintas dalam kepala saya: Apakah kita ada maruah dan menjaga maruah? Atau kita bercakap tentang orang lain, tetapi kita terlupa menjadi maruah diri kita, bangsa kita dan agama kita? Ramai di antara kita, termasuk yang bijak pandai dan berpangkat yang memimpin dan tokoh perniagaan, tidak pedulikan soal maruah kerana mengejar nikmat keduniaan.

AA merasa hairan kerana ada orang yang "kaya raya kerana dia Melayu" mengatakan, "Saya malu saya Melayu, saya bukan Melayu, saya seorang Islam".

Kepada orang lain yang berjaya, AA bertanya: "Andainya dia hidup kembali

selepas mati, apa bangsa dan agama pilihannya. Jawapannya ringkas, jelas dan tegas: Apa saja asalkan jangan Melayu dan Islam."

Memang sekali sekala, apabila kecewa dan tidak boleh nak buat apa-apa lagi, kita bertanya, "Menyapa aku jadi Melayu-Islam?" Lagi baik jadi Cina." Tetapi perasaan begini biasanya hanya sebentar saja. Sebenarnya di

lubuk hati kita, mahu tetap jadi Melayu dan Islam.

Kedua contoh yang dinyatakan oleh AA juga, adalah gambaran perasaan kecewa yang ekstrem dan imannya tidak kukuh. Mungkin mereka berjaya dan kaya raya, tetapi ada isu-isu lain tentang Melayu-Islam yang menyebabkan mereka amat kesal dan kecewa. Dan mereka tak terdaya mengatasi hal itu. Lalu menyesali diri.

Contohnya persaingan politik Umno-Pas dua tiga tahun terakhir ini,

yang

bukan saja menjadi sumber pelbagai masalah, tetapi juga menggugat kedudukan bangsa Melayu. Dan juga menyebabkan terjadi atau kita lakukan beberapa perkara yang terang-terang merugikan bangsa dan negara kita.

Maka

ramailah antara kita yang marah-marah dan kecewa.

We must take a closer look at ourselves

Baru-baru ini akhbar-akhbar yang dikuasai dan dikendalikan oleh orang Melayu berlawan melaga-lagakan pelajar Melayu di universiti. Yang satu menyiarkan berita, "Pelajar prokerajaan menang", dan satu lagi membesarkan berita "Pelajar prokerajaan kalah teruk". Sikap 'pro' dan terutama 'menentang' di kalangan pelajar universiti adalah perkara biasa,

sejak dulu-dulu lagi. Orang muda memang senang menunjuk-nunjuk antiestablishment.

Mengapa kita orang dewasa suka jadi batu api? Biarlah politik kampus anak-anak muda ini bergerak sesama mereka. Orang politik ini janganlah masuk campur. Yang suka politik ini nampak pelajar-pelajar Melayu.

Pelajar

bukan Melayu mencari ilmu. Pensyarah yang suka bawa politik kepartian ke dalam kampus hendaklah diberhentikan kerja. Mereka sewajarnya masuk politik, bukan jadi pensyarah. Begitu juga pegawai, guru, imam yang suka bawa politik kepartian ke pejabat, ke sekolah dan ke masjid.

Tahun lalu saya terbaca berita dua menteri - kebetulan bukan Melayu - memberi amaran hendak mengambil tindakan terhadap kontraktor-kontraktor Bumiputera. Memang banyak kontraktor Bumiputera bermasalah. (Kontraktor bukan Bumiputera pun ada masalah juga, tapi tak diheboh-hebohkan dalam akhbar). Maka ada kontraktor Bumiputera yang tidak mahu lagi menyebutkan syarikatnya bertaraf Bumiputera. Ada kala nama Bumiputera itu membebankan

dan merugikan persaingan.

Perdana Menteri pun telah sering sangat menegur peniaga Melayu yang kerjanya cari komisyen atau menjual projek yang diberikan kerana mereka Melayu. Namun masih ada syarikat dua ringgit yang dapat projek atau tanah

kerajaan. Ada Datuk-Datuk atau Tan Sri atau orang politik yang jadi alat bukan Melayu dengan diberikan jawatan yang namanya hebat.

Hal-hal seperti ini memalukan.

Setahun yang lalu, dalam ucapannya pada majlis makan tengah hari Dewan Muda Dewan Perniagaan Melayu Malaysia, Dr Mahathir menyarankan agar, "Malay entrepreneurs must discard negative values and stop blaming others for their shortcomings."

Katanya lagi, "After 44 years of independence, after numerous policies, despite the setting up of development funds... it is a fact that we are yet to achieve the intended target.

"So we must take a closer look at ourselves. What went wrong? Is it the lack of funds and facilities, or is it simply because of our negative attitude and negative values? Atau ada lagi sebab-sebab yang lain?

Kembalikan semangat dan iltizam tahun 50-an dan 60-an

Kita bertanya mengapa bangsa kita jadi macam itu? Masalah timpa menimpa.

Tak boleh bermuafakat. Budaya kita budaya muafakat, agama kita pun menuntut kewarasan dan kesejahteraan.

Soal masjid pun kita tidak boleh selesaikan bertahun-tahun dan jadi makin parah. Tidak wajarlah kita hilang akal dan sopan santun kerana politik. Lebih tidak wajar lagi kita menjatuhkan maruah agama dan bangsa!

Sepatutnya sudah lama kita boleh selesaikan bersama masalah SAR secara bijaksana. Dalam tahun 50-an, kita masih dijajah dan kita miskin, tetapi kita bangunkan beratus sekolah rakyat-agama dan tidak agama. Tak cukup, kita bina "sekolah tambahan". Ibu bapa berkorban, guru berkorban dan pemimpin berkorban.

Ke mana hilangnya sikap dan semangat itu, setelah kita merdeka dan makmur. Kita jadi gila kuasa dan terlalu melayan nafsu yang tak pernah puas. Memanglah kita tak mungkin lagi kembali ke zaman lampau. Akan tetapi kewarasan dan kebijaksanaan dan kecintaan kepada bangsa dan agama seharusnya tidak terikat oleh zaman.

Yang saya sebut dalam tulisan ini adalah beberapa contoh isu yang dirasakan kita orang ramai tak boleh berbuat apa-apa. Ini tanggungjawab para pemimpin organisasi dan pentadbiran, terutama pemimpin politik. Inilah contoh sebab-sebab mengapa ada orang yang kata: Malu atau tak mau jadi Melayu lagi.

Sikap begini tentulah tidak betul. Kita marah, kesal, kecewa dan bimbang melihat apa yang sedang berlaku. Tetapi yang salah itu bukan nama `Melayu'nya atau `Islam'nya. Jadilah bangsa apa pun, kalau kita tak berusaha, kita akan berhadapan dengan masalah dan kemelut yang sama. Justeru dengan muafakat, kita masih boleh dan perlu bertindak.

Sebab itu kita yang prihatin, kenalah bertemu dan berbincang untuk mencari jalan keluar. Kita boleh cari kelemahan dan kesalahan dengan tujuan untuk mengatasi masalah dan kelemahan itu.

Pada tahun-tahun 50-an dan 60-an kita sedar kemunduran kita dalam pendidikan, kita duduk bersama dan lahirkan Sekolah Menengah Melayu dan Universiti Kebangsaan Malaysia dan ITM. Orang kampung miskin dan tak bertanah kita wujudkan Felda dan Mara. Berkali-kali kita adakan pertemuan, kongres dan seminar mengenai ekonomi, bahasa dan pendidikan tanpa mengira fahaman politik. Hasilnya sudah kita lihat.

Maka sekarang eloklah kita kembali bermuafakat, mencari ubat. Kembalikan kesedaran tahun 50-an dan 60-an. Dan muafakat ini hanya akan membawa hasil yang positif sekiranya dianjurkan dan diselenggarakan bukan oleh mana-mana parti politik. Bahkan di belakangnya pun jangan ada parti politik. Tak perlu apa-apa publisiti dan upacara.

Saya yakin cukup ramai cerdik pandai, profesional, pegawai dan usahawan yang boleh dan bersedia memberikan sumbangan bagi menjayakan usaha ini. Kita tak boleh duduk hanya sekali. Kita perlu bermusyawarah berkali-kali sampai dapat merumuskan pemikiran dan cadangan yang konkrit.

Jika generasi 50-an dan 60-an boleh lakukan, sekarang tentu lebih boleh

lagi. Lebih ramai ahli bijak pandai. Kita tidak boleh terus kecewa dan marah-marah! Siapa dan organisasi mana yang sanggup mengambil daya utama untuk bekerja? Saya sudah masuk 70 tahun, sedia membantu.

Generasi muda dan penguasaan ilmu

Tulisan minggu ini diakhiri dengan sedikit petikan surat Dr Mohd Azam Hj

Rauzan dari Johor Bahru. Suratnya lima halaman, menekankan betapa pentingnya ilmu dan generasi muda:

"Saidina Ali pernah berkata; "Rupa bentuk generasi ummah akan datang dapat diukur pada keadaan generasi muda masa kini". Generasi Melayu Muda adalah aset paling berharga dalam menentukan obor perjuangan memartabatkan

bangsa dan agama terus menyala.

"Justeru mereka ini adalah amanah yang perlu dipelihara dengan penuh tanggungjawab. Mereka perlu dipersiapkan agar mampu tampil ke pentas dunia

sebagai generasi berkualiti yang memiliki kekentalan jati diri.

"Pemimpin muda masa kini perlu mampu mempersiapkan jiwa dan minda untuk

memasuki era kecanggihan sains-teknologi, era perindustrian, menguasai alam globalisasi, ledakan maklumat, kebangkitan Islam dan kebangkitan Asia-Pasifik dan akhir sekali nilai-nilai murni kepimpinan yang berteraskan ilmu pengetahuan."

Itulah suara hati orang muda yang positif. - (Ibu Pejabat AMONA Kuala Lumpur - 23 Januari 2003).